

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 16 MEI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 25

## Malaysia lokasi Pusat 4IR pertama WEF di Asia Tenggara

# Malaysia lokasi Pusat 4IR pertama WEF di Asia Tenggara

Forum Ekonomi Dunia (WEF) menubuhkan Pusat Revolusi Perindustrian Keempat Malaysia (Pusat 4IR), pusat pertama seumpamanya di Asia Tenggara dan ke-19 di peringkat global.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pusat 4IR Malaysia adalah pusat bebas dalam ekosistem global WEF yang menghimpunkan pemimpin kerajaan dan perniagaan, ahli akademik serta pakar untuk mewujudkan hab inovasi dan kepakaran untuk membuka potensi teknologi.

"Pusat ini akan memberi tumpuan kepada dua keutamaan iaitu pertama membabitkan transformasi digital dan GovTech iaitu memberi tumpuan kepada

bidang untuk mempercepatkan fasa pertumbuhan seterusnya untuk agenda transformasi digital Malaysia dan peranan yang boleh kita mainkan untuk memudahkan usaha serantau bagi transformasi digital ASEAN.

"Kedua adalah membabitkan peralihan tenaga yang menyokong Dasar Tenaga Malaysia 2022-2040, untuk membolehkan kita berjaya mengemudi peralihan tenaga dan pembangunan ekonomi hijau sambil mengimbangi isu seperti keselamatan tenaga, kemampuan mampu milik dan kelestarian alam sekitar," katanya dalam rakaman video ucapan pelancaran pusat 4IR Malaysia WEF di Kuala Lumpur, semalam.

Perasmian pusat 4IR disempurnakan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan Presiden WEF, Borge Brende.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif MyDIGITAL Corporation, Fabian Bigar.

Anwar berkata, WEF telah menubuhkan pusat 4IR sebagai platform untuk menyokong kepimpinan negara bukan sahaja dalam merealisasikan faedah trajektori teknologi yang sentiasa berkembang.

"Ia juga untuk menyokong usaha kerajaan bagi rangka kerja dasar baharu, model tadbir urus dan peraturan fleksibel untuk merangsang inovasi sambil menyediakan keselamatan sosial

dan perlindungan yang mencukupi untuk rakyat kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, memperkembangkan ekonomi digital adalah agenda penting bagi kerajaan, justeru Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) untuk 4IR telah digubal menggunakan pendekatan berpaksi manusia untuk memastikan negara dapat memanfaatkan teknologi sambil memelihara nilai manusia, sosial dan budaya untuk kelestarian masa hadapan.

Katanya, ini selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 yang bertujuan mengeksplorasi peluang potensi yang dibentangkan 4IR dan membuktikan pembangunan sosioekonomi Malaysia

pada masa hadapan untuk kemampanan dan kemakmuran jangka panjang.

"Ini sejajar dengan komitmen kita terhadap Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG).

"Kita berhasrat untuk mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia dalam kedudukan global, dan ditambah pula dengan nilai Malaysia MADANI, saya yakin kita mampu mempercepatkan transformasi Malaysia ke arah ekonomi digital maju dengan mengukuhkan infrastruktur, memudahkan inovasi dan mewujudkan ekosistem bagi mewujudkan taraf hidup yang lebih tinggi kepada semua rakyat," katanya.